

SENIBINA TRADISIONAL MELAYU PULAU PINANG, Ciri-ciri,
pengaruh serta hubungannya dengan kehidupan masyarakat
melayu.

Kajian akhir ini dihantar kepada Jabatan Senibina
Institut Teknologi MARA sebagai sebahagian daripada
syarat untuk mendapat Diploma Senibina.

OLEH:

JOHAN BIN ABDUL
DIPLOMA SENIBINA TAHUN AKHIR
K. P. ITM - 81034374
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR.
1985/86.


PENGESAHAN

Ini adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak oleh:

ENCIK ABDUL GHANI BIN MOHD. DESA - PENYELIA

..... - PENYELARAS

Saya berpuas hati dan bersetuju dalam skop dan nilai Kajian Akhir ini untuk penganugerahan Diploma Senibina Institut Teknologi MARA.



.....
(ABDUL GHANI BIN MOHD. DESA)
PENYELIA.

.....
()
PENYELARAS.

SINOPSIS

Manusia dijadikan tuhan bukan semata-mata untuk beribadat kepadanya, malah kita disuruh melihat alam dan kebesarannya untuk dikaji, diselidiki dan mencari kebenaran keujudannya yang maha kuasa. Orang Melayu melihat alam ini bukan dari sudut kebendaan semata-mata, malah dipandang dari sudut yang lebih mendalam.

Mereka begitu menghargai alam pemberian tuhan dalam kehidupan seharian. Tumbuh-tumbuhan dijadikan tuhan bukan sahaja berfungsi untuk mengeluarkan buah yang menjadi makanan manusia malah ianya mempunyai fungsi yang lebih dari itu.

Manusia adalah sebaik-baik makhluk yang dijadikan tuhan. Manusia dikurniakan akal fikiran untuk berfikir. Manusia perlu menggunakan akal fikirannya untuk hidup.

Berdasarkan kepada hasil pemikiran manusia, tumbuh-tumbuhan yang fungsi asasnya mengeluarkan buah untuk makanan manusia, dapat diperkembangkan penggunaannya kepada pembinaan tempat tinggal. Semakin lama manusia semakin matang berfikir dan hingga kini berbagai-bagai ciptaan moden dapat kita lihat.

Akibat kepesatan pembangunan masa kini, manusia telah lupa akan asal usul mereka. Mereka telah lupa akan warisan-warisan lama yang menjadi asas kepada pembangunan masa kini. Warisan-warisan peninggalan zaman silam kini menjadi semakin pupus.

Sebagai langkah untuk merekodkan kembali warisan-warisan lama ini, kajian adalah diperlukan untuk mengumpul semula segala sejarah-sejarah lama terutama sekali sejarah peninggalan orang-orang Melayu yang kaya dengan warisan-warisan yang tersendiri.

Dalam kajiselidik ini, tumpuan adalah diutamakan kepada warisan senibina tradisional Melayu lama di Pulau Pinang yang merangkumi aspek-aspek ciri-ciri, pengaruh serta hubungannya dengan kehidupan masyarakat Melayu tempatan.

ISIKANDUNGANHALAMAN

. TAJUK	i
. PENGESAHAN	ii
. SINOPSIS	iii
. PENGHARGAAN	v
. ISIKANDUNGAN	vi
BAB 1. 1.0.1. Sekapur sirih	1
1.0.2. Pemilihan tajuk	2
1.0.3. Keutamaan kajian	3
1.0.4. Rumusan bidang kajian	4
1.0.5. Kaedah & teknik penganalisan	5
BAB 2. 2.0.1. Mengisah seribu peristiwa	7
2.0.2. Orang Melayu	8
2.0.3. Pengertian Senibina Melayu	9
2.0.4. Pengaruh alam sekitar dalam Senibina Melayu	11
BAB 3. 3.0.1. Pulau Pinang dan sejarahnya	13
3.0.2. Masyarakat Melayu Pulau Pinang	21
3.0.3. Sejarah keujudan perkampungan Melayu	22
BAB 4. 4.0.1. Falsafah di sebaliknya Senibina Melayu Lama Pulau Pinang	24
4.0.2. Perancangan perkampungan Melayu	30
4.0.3. Pengaruh-pengaruh Senibina	33